



## **SYARAT-SYARAT PENJAJA BAZAR RAMADHAN**

### **1. ASAS PERUNDANGAN YANG DIGUNAPAKAI**

Penjaja Bazaar Ramadhan tertakluk kepada 3 perundangan asas yang digunapakai oleh MDKL iaitu:

- a) Akta Kerajaan Tempatan 1976
- b) Undang-undang Kecil Penjaja (MDKL) 2007
- c) Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MDKL) 2007

### **2. SYARAT AM**

- a) Penganjur Bazaar Ramadhan hendaklah suatu pertubuhan / persatuan, bukan individu / orang perseorangan.
- b) Penganjur hendaklah menyerahkan senarai Penjaja meliputi maklumat peribadi, gambar berukuran passport, salinan sijil dan suntikan vaksin.
- c) Individu berikut **TIDAK DIBENARKAN** memohon atau bertindak sebagai Penjaja :
  - i. Bukan Beragama Islam
  - ii. Warganegara Asing
  - iii. Warganegara berumur di bawah 18 tahun
  - iv. Warganegara yang menghidapi penyakit yang boleh berjangkit.

### **3. LOKASI PETAK PENJAJAAN**

- a) Petak penjajaan adalah merujuk kepada proses pengundian yang ditetapkan oleh pihak MDKL / Penganjur.
- b) Setiap pemohon hanya dibenarkan menjalankan perniagaan di petak yang diluluskan sahaja.
- c) Lesen Perniagaan Sementara ini tidak boleh diniaga / digunakan oleh orang lain.

### **4. JENIS PRODUK JUALAN**

Jenis produk jualan yang dibenarkan hanya makanan dan minuman **SAHAJA**.

## **5. KEPERLUAN PEMERIKSAAN KESIHATAN**

Penjaja dan Pembantu perlu menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan suntikan Vaksin Typhim VI serta Sijil Kursus Pengendali Makanan.

## **6. KEBERSIHAN DAN PENGURUSAN SAMPAH**

- a) Setiap Penjaja bertanggungjawab bersama-sama menjaga kebersihan Bazaar Ramadhan.
- b) Setiap Penjaja hendaklah sentiasa menyediakan tong sampah / plastik pengumpulan sampah.
- c) Setiap Penjaja bertanggungjawab setiap masa menguruskan sisa jualan dan sampah berada di dalam tong / plastik sampah.
- d) Semua sampah, sisa-sisa kelapa muda, hampas tebu, makanan hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastic dan diikat dengan kemas dan kemudian dilupuskan ke dalam tong sampah yang disediakan.
- e) Menumpahkan cecair / sisa pepejal ke atas tapak bazaar adalah satu kesalahan.
- f) Pihak Majlis / Kontraktor bertanggungjawab memungut sampah yang telah dimasukkan ke dalam plastik dan **TIDAK** mengutip sampah luar yang lain.

## **7. PENAMPILAN PENJAJA**

- a) Penjaja hendaklah sentiasa memakai apron dan topi atau memakai pakaian seragam.
- b) Kad pengenalan Penjaja hendaklah sentiasa dipakai / dipamerkan.
- c) Keadaan fizikal Penjaja hendaklah bersih meliputi diri dan pakaian.
- d) Hendaklah menggunakan sarung tangan / penyepit untuk memegang makanan.
- e) Hendaklah meletakkan tanda harga mengikut keperluan KPDKKK.
- f) Makanan yang dipamerkan dan dijual hendaklah ditutup.

## **8. KADAR FI PERMIT**

Setiap permohonan tertakluk kepada fi dan bayaran seperti berikut :

- |           |   |                  |
|-----------|---|------------------|
| <b>a)</b> | <b>Bayaran Lesen</b>  | <b>:RM60.00</b>  |
| <b>b)</b> | <b>Bayaran Pelupusan Sampah</b>   | <b>:RM140.00</b> |
| <b>c)</b> | <b>Tambahan Bayaran Pelupusan Sampah bagi</b><br><b>Penjaja Minuman Air Kelapa / Air Tebu</b> | <b>:RM50.00</b>  |
| <b>d)</b> | <b>Patil</b>  | <b>:RM10.00</b>  |
| <b>e)</b> | <b>Pengeluaran Pas Pembantu</b>   | <b>:RM50.00</b>  |

## 9. KESALAHAN DAN KADAR KOMPAUN

Bil	Jenis Kesalahan	Kadar Kompaun
1.	Menjaja tanpa permit/lesen MDKL	RM 100.00
2.	Tidak mempamirkan permit, lesen dan pas penjaja	RM 30.00
3.	Menjaja melebihi daripada petak yang diperuntukkan	RM 100.00
4.	Mengendalikan penjajaan tanpa suntikan/pemeriksaan kesihatan	RM 100.00
5.	Menumpahkan cair/sisa pepejal ke atas bazaar ramadhan	RM 100.00
6.	Tidak menyediakan tong sampah/plastik sampah	RM 50.00
7.	Tidak memakai pakaian seragam/apron	RM 30.00
8.	Tidak menggunakan sarung tangan/penyepit ketika mangambil makanan	RM 50.00
9.	Tidak mempamirkan tanda harga	RM 30.00

- 7.1 Selain daripada kompaun, penjaja yang melakukan kesalahan juga boleh diambil tindakan pembatalan permit penjajaan, pendakwaan Mahkamah dll.

### **PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran  
Majlis Daerah Kuala Langat